

## MAKNA UJARAN MASYARAKAT BANJAR DARI SUDUT PRAGMATIK (THE SPEECH OF BANJARESE COMMUNITY FROM PRAGMATIC ASPECT)

NUR HAFIZAH RAZALI\* DAN NORMALIZA ABD RAHIM

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor.

\*Corresponding author: nurhafizahbrazali@gmail.com

**Abstrak:** Kajian ini memberi penelitian terhadap ujaran yang berlaku dalam kalangan masyarakat Banjar di Selangor. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan ujaran dalam kalangan masyarakat Banjar dari sudut semantik dan pragmatik. Sampel kajian terdiri daripada beberapa buah keluarga di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang terdiri daripada kaedah pemerhatian dan temu bual. Teknik kajian adalah dengan menemu bual setiap keluarga dan merakam perbualan mereka ketika mereka berkumpul untuk sambutan perayaan, majlis bertunang dan kenduri kahwin. Seterusnya, transkrip perbualan dianalisis dari sudut pragmatik dengan menggunakan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986). Hasil kajian mendapati makna ujaran dapat dianalisis dengan jelas apabila ilmu pragmatik diaplikasikan. Hal ini kerana, ilmu pragmatik mampu mengungkapkan makna yang disampaikan berdasarkan konteks situasi yang sebenar. Bagi memahami makna sesuatu ujaran, beberapa aspek seperti konteks, kesan konteks dan kos memproses perlu dilihat berdasarkan Teori Relevans. Oleh itu, makna sesuatu ujaran bergantung kepada konteks dan situasi sebenar yang dapat dimanifestasikan.

Kata kunci: Bahasa Banjar, ujaran, masyarakat Banjar, semantik dan pragmatik, bahasa Melayu.

**Abstract:** This study focuses on the utterances among the Banjar community in Selangor. The objectives of this study were to identify and discuss the speech uttered among the Banjars from the semantic and pragmatic aspects. The samples of the study are families in the community of Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor. This study used the qualitative approach which consists of observation and interview methods. Interview sessions with the family were recorded. The data were gathered during festive celebration, engagement and wedding event. The data were transcribed and the transcripts were analysed from the pragmatic aspect using the Relevance Theory by Sperber & Wilson (1986). The results showed that uttered speech can be analysed much clearer by applying the pragmatic knowledge. This is because, pragmatic knowledge is able to unveil the real meaning based on the real context of a situation. To understand certain speech, few aspects like context, context effect and processing must be analyzed based on the Relevans Theory. Therefore, the speech meaning depends on the manifestation context and real situation.

Keywords: Banjar language, Banjerese community, semantic dan pragmatic, Malay language.

### Pengenalan

Negara Malaysia terkenal dengan kepelbagaian masyarakatnya yang majmuk. Salah satu golongan etnik adalah masyarakat Banjar. Seperti golongan etnik lain, orang Banjar juga merupakan satu golongan yang kompleks dan mempunyai sejarah yang tersendiri di negara ini. Orang Banjar tergolong dalam rumpun bangsa Melayu. Bahasa Banjar dikenali

juga sebagai *Bandjarese*, *Banjar Malay* atau *Banjarese*. Bahasa ini dapat dibahagikan kepada dua loghat, iaitu loghat hulu dan loghat kuala (The Linguist, 2004). Bahasa Banjar merupakan bahasa pertuturan suku Banjar yang merupakan penduduk asli di wilayah Kalimantan Selatan, Indonesia. Di Kalimantan, bahasa Banjar sudah dimasukkan ke dalam sistem pendidikan di sekolah sebagai mata

pelajaran setempat. Bahasa Banjar banyak dipengaruhi oleh bahasa Melayu, Jawa dan bahasa-bahasa Dayak. Bahasa Banjar juga dipercayai mempunyai hubungan dengan bahasa Kedayan (Brunei). Penghijrahan suku Banjar ke Semenanjung Malaysia telah lama berlaku. Tarikh sebenar kedatangan suku ini tidak dapat dipastikan kerana tiada rekod atau catatan mengenainya (Nor Hawa Ismail, 1999). Penghijrahan ini berlaku melalui dua faktor iaitu faktor penolak dan faktor penarik. Faktor penolak bagi penghijrahan atau perpindahan ini iaitu faktor politik, ekonomi dan sosial di Tanah Banjar di Kalimantan yang tidak stabil. Manakala di antara faktor penarik adalah seperti pertanian dan perdagangan yang stabil di Tanah Melayu. Masyarakat Banjar di Malaysia hanya terdapat di beberapa tempat tertentu di negeri Selangor, Johor dan Perak. Pelbagai kajian terhadap bahasa Banjar ini telah dilakukan oleh para penyelidik. Antaranya adalah dari aspek tatabahasa, sosiolinguistik dan fonetik. Bagi kajian ini, ujaran masyarakat Banjar akan dihuraikan dari sudut pragmatik. Data kajian merupakan perbualan yang dihasilkan oleh masyarakat Banjar yang terdiri daripada dua buah keluarga. Kajian ini melihat dari aspek kejelasan penyampaian sesuatu ujaran yang dihasilkan oleh penutur kepada pendengar. Ujaran yang dihasilkan oleh penutur perlulah relevan supaya pendengar memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan. Blakemore (1997:11-14) mengatakan bahawa interpretasi ujaran bergantung pada keupayaan pendengar membekalkan tanggapan tentang budaya, kepercayaan, keagamaan, peraturan dan emosi penutur. Oleh itu, kajian mengenai ujaran dalam komunikasi perlu dikaji bagi melihat proses penerimaan sesuatu mesej dan makna yang ingin disampaikan oleh penutur. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986) dalam perbincangan dapatan data. Teori ini mengandungi ilmu pragmatik yang dapat diaplikasikan bagi melihat makna sebenar bagi sesuatu ujaran. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin dan Norsimah Mat Awal (2006), Teori Relevans mampu membantu dalam

memahami ujaran yang dihasilkan dengan lebih sistematik dan saintifik. Selain itu, teori ini akan membantu dalam memahami ujaran melalui proses-proses yang telah ditetapkan dengan menggunakan konsep-konsep seperti konteks, kesan konteks dan usaha memproses maklumat. Pengkajian makna di peringkat semantik hanya terhadap pada maklumat linguistik sahaja (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992). Menurut Sperber dan Wilson (1986), pengkajian makna di peringkat semantik belum dapat memberikan makna sepenuhnya sebagaimana yang dihajati oleh penutur. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengenal pasti dan membincangkan ujaran dalam kalangan masyarakat Banjar dari sudut semantik dan pragmatik.

Leech (1993) mengatakan bahawa pragmatik boleh ditakrif sebagai kajian tentang bagaimana ujaran mendapat maknanya apabila digunakan dalam keadaan tertentu. Dengan kata lain, Leech (1993) memaksudkan pragmatik sebagai satu kajian tentang bagaimana suatu ujaran mempunyai makna dalam situasi tertentu apabila terdapatnya pengguna bahasa yang bersedia untuk berkomunikasi. Menurut Ahmad Mahmood Musanif (2002:130), pragmatik sebenarnya dapat ditakrifkan sebagai makna dalam perbualan. Hal ini menunjukkan bahawa makna tidaklah ditentukan semata-mata hanya oleh perkataan yang dimaksudkan oleh penutur tetapi juga termasuk yang difahami oleh pendengar iaitu tahap kognitif. Bagi menentukan sesuatu makna, ia melibatkan satu proses dinamik yang meliputi persetujuan makna antara penutur dengan pendengar, konteks ujaran (fizikal, sosial dan linguistik) dan juga kemungkinan makna bagi satu-satu ujaran itu sendiri. Pragmatik merupakan ilmu yang bersangkutan dengan ilmu sosiolinguistik, neolinguistik dan psikolinguistik (Levinson, 1987:2). Menurut Norhashimah Jalaluddin (1992: 22), pragmatik ialah teori berkenaan dengan intepretasi ayat yang taksa, yang eliptik dan sebagainya. Pragmatik juga penting bagi memperoleh makna implisit bagi sesuatu ujaran di samping melihat hajat sebenar si penutur terhadap ujaran yang disampaikannya.

Kajian berikutnya merupakan kajian pragmatik yang dilakukan oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah (2002) mengenai gangguan dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak Melayu. Dalam kajian ini, Zaitul Azma Zainon Hamzah (2002) telah menggunakan Teori Relevans (1986, 1995) dan digandingkan dengan kerangka analisis perbualan Schlobinski (1996) untuk membincangkan gangguan dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak Melayu dan menginterpretasi penggunaan ironi dan metafora dalam ujaran kanak-kanak Melayu. Zaitul Azma Zainon Hamzah (2002) mendapati tercetusnya gangguan bertutur oleh kanak-kanak adalah dengan tujuan untuk menyampaikan maklumat, menambahkan maklumat, mendapatkan giliran bertutur dan melahirkan perasaan simpati. Namun menurut kajian ini, terdapat juga gangguan yang dicetuskan oleh kanak-kanak untuk menyatakan bantahan dan mencetuskan konflik. Selain itu, Siti Hamidah Mohd Lasim (2002) telah mengkaji makna wacana perbualan antara watak dalam novel "Tragedi Di Hujung Senja". Wacana perbualan dikaji dan diteliti untuk mendapatkan makna yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu wacana yang disampaikan berdasarkan kajian pragmatik. Menurut Siti Hamidah Mohd Lasim (2002), makna sebenar wacana perbualan dapat dijelaskan dengan lebih mendalam apabila menggunakan ilmu pragmatik. Hal ini turut disokong oleh Ahmad Mahmood Musanif (2002), Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013) dengan menyatakan bahawa ilmu pragmatik mampu menginterpretasi makna berdasarkan apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh penutur.

Kajian mengenai perbualan masyarakat antara lain telah dijalankan oleh Normaliza Abd Rahim, Noraien Mansor dan Noor Rohana Mansor (2014) iaitu mengenai perbualan masyarakat di daerah Kuala Terengganu. Kajian ini memfokuskan kepada dialek yang digunakan semasa bersembang di kedai kopi. Kajian ini dijalankan di kedai kopi di mukim Chendering, Chabang Tiga, Batu Rakit dan Banggol Paradong, Kuala Terengganu. Sampel kajian sebanyak 120 orang telah dipilih secara

rawak yang terdiri daripada masyarakat yang berkunjung ke kedai kopi di sekitar daerah Kuala Terengganu. Hasil kajian ini mendapati bahawa subjek lebih selesa menggunakan dialek daerah Kuala Terengganu dan berasa lebih yakin untuk memberi ujaran ketika bersembang jika menggunakan dialek tersebut. Menurut Northofer (1993: 165) dan Ajid Che Kob (2007: 129-143) salah satu matlamat kajian dialek atau dialek geografi adalah untuk membuat pengelompokan iaitu menentukan keakraban kekerabatan atau salasilah dialek-dialek yang diturunkan daripada sesuatu bahasa. Kajian yang dijalankan oleh Normaliza Abd Rahim, Noraien Mansor dan Noor Rohana Mansor (2014) itu jelas menunjukkan bahawa dialek Terengganu masih lagi digunakan dengan meluas dalam kalangan pengunjung kedai kopi di daerah-daerah di Terengganu. Masyarakat yang terdiri daripada golongan nelayan, kakitangan kerajaan dan juga pelajar lepasan universiti telah berkumpul di kedai kopi untuk mencari ketenangan dengan berbual dan bersembang bersama rakan yang lain. Selain itu, mereka memperoleh satu kepuasan apabila dapat bersembang dalam dialek tersebut dan ini dapat menunjukkan kemesraan dalam kalangan mereka kerana mereka dilihat ketawa sambil bersembang dan tiada persoalan mengenai ujaran daripada mereka itu. Situasi ini menunjukkan bahawa dialek yang digunakan itu telah dapat difahami oleh masyarakat tempatan di situ. Kajian hampir sama juga telah dilakukan oleh Adi Yasran Abdul Aziz (2011) iaitu dialek penting dalam sistem komunikasi antara kelompok masyarakat. Kajian oleh Zainal Abidin Masleh dan Mohd Sharifudin Yusop (2010) juga mempunyai keputusan yang hampir sama dengan kajian yang dilakukan oleh Adi Yasran Abdul Aziz (2011) iaitu setiap kelompok masyarakat mempunyai dialek tersendiri yang dapat menguatkan identiti masyarakat itu sendiri. Berdasarkan kajian tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa sesuatu ujaran itu akan lebih mudah difahami dan diinterpretasikan jika penutur dan pendengar bertutur dalam dialek yang sama.

Wong Shia Ho (2013) telah mengkaji unsur implisit dalam ucapan Tunku Abdul Rahman dari aspek keharmonian kaum yang dianalisis dengan menggunakan Teori Relevans. Hasil kajian mendapati bahawa teori ini mampu menerangkan makna sebenar ujaran implisit. Hal ini juga turut dinyatakan oleh Nor Hashimah Jalaluddin dan Norsimah Mat Awal (2006) dalam kajian yang menggunakan Teori Relevans tentang citra lelaki dulu dan kini dalam prosa Melayu. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin dan Norsimah Mat Awal (2006) Teori Relevans mampu menjelaskan makna bahasa figuratif. Bahasa figuratif mempunyai makna tersirat iaitu seperti metafora dan ironi. Oleh itu, kajian yang dilakukan Wong Shia Ho (2013) ini bertujuan mengenal pasti simbol yang digunakan oleh Tunku Abdul Rahman sebagai ujaran implisit dan untuk menganalisis simbol yang digunakan dengan menggunakan Teori Relevans bagi mendapatkan makna yang sebenar. Selain itu, kajian ini turut memperlihatkan aspek penting dalam komunikasi iaitu kemampuan simbol bagi menyampaikan makna implisit dan kepentingan pentafsiran makna implisit melalui Teori Relevans. Pragmatik memainkan peranan yang sangat penting dalam komunikasi lisan (Sperber & Wilson, 1986). Menurut Wong Shia Ho (2014), semasa menyampaikan ujaran, penutur seharusnya bertanggungjawab memastikan ujarannya mengandungi maklumat yang sama dengan apa yang terkandung dalam pemikiran pendengar. Penutur haruslah memberikan maklumat yang relevan dengan penaakulan dan persepsi pendengar dengan memberikan andaian tambahan kepada persekitaran kognitif pendengar. Apabila adanya andaian tambahan yang diberikan ini sama dengan maklumat yang difahami oleh pendengar, maka ujaran itu dianggap relevan (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2005). Andaian mengenai maklumat tambahan dalam sesuatu ujaran yang relevan ini turut disokong oleh Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013).

Kajian seterusnya dilakukan oleh Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013) mengenai implikatur berdasarkan ujaran yang dihasilkan dalam perbicaraan mahkamah kes "Pembunuhan Noritta" yang dianalisis dari sudut pragmatik dengan menggunakan Teori Relevans daripada Sperber dan Wilson (1986, 1995). Menurut Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013), pragmatik sangat mementingkan konteks dan berguna dalam menginterpretasikan ujaran. Teori Relevans yang menggabungkan komunikasi dan kognisi ini sesuai digunakan dalam memahami prosiding dan perbicaraan mahkamah terutama jika melibatkan implikatur. Kajian yang dijalankan oleh Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013) ini ingin merungkai keraguan yang terkandung dalam dialog perbicaraan mahkamah bagi kes pembunuhan Noritta dari sudut pandangan semantik dan pragmatik. Penerapan kerangka teoretis Teori Relevans untuk penganalisan data merupakan kaedah yang bersesuaian dan berpada dalam meneroka kerelevanan sesuatu ujaran itu khususnya bagi ungkapan implikatur. Menurut Sperber dan Wilson (1995), kekuatan sesuatu implikatur bergantung pada sebanyak mana maklumat implisit yang cuba disampaikan mampu disingkap atau difahami oleh pendengar atau pembaca. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013), dapat disimpulkan bahawa ujaran yang bermanifestasi sangat penting bagi mengelakkan berlaku sebarang keraguan dalam penyampaian mesej. Menurut Blackmore (1992), Teori Relevans mampu mencungkil makna yang tersurat dan tersirat. Kajian yang hampir sama iaitu mengenai Teori Relevans yang mampu menyingkap makna dan tersirat turut dilakukan oleh Rozaimah Rashidin dan Noriza Daud (2009) yang menyatakan bahawa analisis saintifik yang mendasari Teori Relevans akan dapat menyingkap apa yang tersirat di sebalik apa yang tersurat.

**Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan Teori Relevans yang dipelopori oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995). Data kajian adalah ujaran bahasa Banjar Kuala yang dihasilkan dalam kalangan subjek kajian yang terdiri daripada masyarakat Banjar. Subjek kajian dipilih daripada beberapa buah keluarga Banjar yang tinggal di Pulau Carey, Banting, Selangor. Subjek berumur dalam lingkungan 40, 50, dan 60 tahun. Subjek bekerja sebagai peniaga kedai kopi, petani, peladang kelapa sawit dan pekerja kilang. Sampel terdiri daripada suami isteri yang berumur 60an dan 70an yang mempunyai enam orang anak yang masing-masing sudah mendirikan rumah tangga. Terdapat sekelompok kecil masyarakat Banjar yang tinggal di kawasan Kampung Melayu, Pulau Carey. Pulau Carey merupakan sebuah pulau yang terletak di dalam daerah Kuala Langat, Selangor. Ia terletak di selatan Pelabuhan Kelang dan utara Banting. Perbualan subjek telah dirakam dengan menggunakan teknik rakaman suara dan teknik pemerhatian dan catatan. Selain itu, teknik temu bual dan rujukan perpustakaan turut diaplikasikan. Data dirakam ketika sampel bersama keluarga dan saudaramara berkumpul ketika menyambut perayaan, majlis pertunangan dan kenduri perkahwinan. Perbualan bahasa Banjar yang diujarkan telah dirakam dan dicatat. Seterusnya, data yang dirakam dan dicatat itu dibahagikan mengikut situasi kemudian dijudualkan dan dianalisis dari sudut makna semantik dan pragmatik dengan menggunakan Teori Relevans Sperber dan Wilson (1986, 1995).

**Teori Kajian**

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986), dan diperkemaskan pada tahun 1995. Menurut Sperber and Wilson (1986), sesuatu ujaran itu harus mempunyai sifat-sifat yang jelas dan nyata (manifest). Teori ini mendasari tiga konsep utama iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses maklumat. Konteks ialah satu set andaian yang

digunakan dalam menginterpretasi maklumat yang diberikan oleh penutur. Konteks adalah mengenai dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Kesan konteks atau kesan kognitif ialah andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar. Kesemuanya tersimpan sebagai catatan ensiklopedia penutur dan pendengar. Manakala, usaha memproses maklumat atau kos proses berkait rapat dengan usaha pendengar memproses maklumat. Sekiranya ujaran itu dapat difahami dengan mudah, maka kos proses maklumat bagi ujaran tersebut dapat dianggap rendah tetapi jika sebaliknya, kos proses bagi maklumat tersebut dianggap tinggi. Kesukaran memahami sesuatu ujaran itu dapat dikaitkan dengan kos proses yang tinggi dan ujaran yang dianggap relevan ialah ujaran yang rendah kos prosesnya tetapi melahirkan kesan konteks yang tinggi.

**Dapatan Kajian dan Perbincangan**

*Situasi 1 : Majlis Perkahwinan*

Jadual 1: Ujaran di antara S1 dan S2

Subjek	Bahasa Banjar	Bahasa Melayu
S1	Lawas kadak bartamu ikam. Ikam barganak di manak wayah nih?	Lama tidak berjumpa dengan awak. Awak tinggal di mana sekarang ini?
S2	Akuk masih barganak di rumah yang lawas tuh. Kadak berpindah mana-mana.	Saya masih tinggal di rumah lama tu. Tidak berpindah mana-mana.
S1	kanak-kanakkan kadak umpat kah?	Budak-budak tidak ikut ke?
S2	Anak-anakkuk masing-masing wayah nih udah begawek.	Anak saya masing-masing sekarang sudah bekerja.

Situasi perbualan di atas (Jadual 1) berlaku semasa majlis perkahwinan di Pulau Carey. Jadual 1 di atas merupakan perbualan di antara dua orang. Perbualan tersebut jelas menunjukkan bahawa S1 telah memberi ujaran tentang pertemuan di antara mereka



yang sudah lama tidak berlaku. S1 juga bertanya kepada S2 tinggal di mana tempat tinggalnya sekarang kerana S1 sudah lama tidak bertemu S2. S1 bertanya mengenai kemana perginya S2 kerana sudah lama tidak bertemu. *'Lawas kadak bartamu ikam. Ikam barganak di manak wayah nih?'* (Lama tidak berjumpa dengan kamu. Kamu tinggal di mana sekarang ini?). Manakala S2 telah memberikan jawapan iaitu *'Aku masih berganak di umah yang lawas tuh. Kadak berpindah manak-manak.'* (Saya masih tinggal di rumah lama tu. Tidak berpindah mana-mana). Hal ini kerana, S2 tidak berpindah ke mana-mana dan masih menetap di situ iaitu tempat lama yang mana dalam perbualan tersebut menunjukkan S1 turut mengetahui tempat yang dimaksudkan oleh S2 kerana S2 tidak menyatakan tempat tinggalnya secara langsung tetapi hanya merujuk kepada "tempat lawas" (tempat lama) yang turut berada dalam pengetahuan pendengar iaitu S1. Kemudian, S1 ingin mengetahui perihal anak-anak S2 yang tidak ikut serta dalam majlis tersebut. *"kanak-kanakkan kadak umpat kah?"* (Budak-budak tidak ikut ke?) S2 tidak menjawab pertanyaan S2 secara langsung iaitu 'ya' atau 'tidak' sebaliknya S2 memberitahu bahawa anak-anaknya sekarang sudah bekerja. *"Anak-anakkuk masing-masing wayah nih udah begawek"* (anak-anakku sekarang ini sudah bekerja). Hal ini merupakan implikatur perbualan yang mana S2 memberikan jawapan yang tersirat iaitu anak-anaknya sudah bekerja dan tidak dapat hadir ke majlis tersebut. Kemudian S1 ingin mengetahui dengan lebih lagi lanjutan daripada maklumat yang diberikan oleh S2 perihal anak-anaknya yang sudah bekerja dengan bertanya lokasi kerja. Jelas di sini bahawa perbualan tersebut relevan kerana penutur dan pendengar saling memahami dan tindak balas ujaran antara satu sama lain melalui kos memproses yang rendah. Mengikut Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1995), kerelevanan sesuatu ujaran bergantung pada kesan konteks atau kognitif dan usaha

memproses maklumat. Semakin banyak kesan konteks/ kognitif yang dapat dihasilkan, semakin relevan sesuatu ujaran itu dan semakin rendah kos memproses maklumat, maka semakin relevanlah ujaran tersebut. Zulkifley Hamid (1991: 571) menerusi kajian Zaitul Azma Zainon Hamzah (2002), menyatakan bahawa keperihalan keadaan merupakan faktor terpenting dalam menentukan makna bagi sesuatu perkataan, frasa atau ayat. Di samping itu, faktor intonasi pengucapan, keperihalan keadaan kewujudan ayat, keperihalan keadaan penutur dan tujuan sesuatu ayat diucapkan oleh penutur juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan makna (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2002). Berdasarkan situasi ujaran yang berlaku dalam Jadual 1 di antara S1 dan S2, konteks yang disampaikan oleh S1 mudah difahami oleh S2. Konteks adalah mengenai dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar (Sperber & Wilson, 1995). Oleh itu, berdasarkan situasi yang berlaku dalam Jadual 1 ini, konteks yang dihasilkan adalah melalui perkara yang berlaku di sekitar kehidupan manusia dan juga melalui catatan ensiklopedia yang tersimpan dalam memori seseorang (Sperber & Wilson, 1995).

Berdasarkan Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986) perbualan dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa S1 dan S2 telah berjaya memahami topik perbualan yang ingin disampaikan. Hal ini kerana konteks yang melatari perbualan mereka berkisar tentang perihal kehidupan keluarga. Topik tentang hal anak-anak telah dapat memberi gambaran yang jelas oleh S1 mengenai perihal anak-anak S2. Ujaran daripada S1 dan S2 telah mencapai kefahaman antara kedua belah pihak. Namun, ujaran di antara S1 dan S2 boleh mendatangkan implikatur yang berbeza iaitu mungkin S1 dan S2 bukan sahaja saudara-mara malah kawan baik satu sekolah yang sudah lama tidak bertemu dan terputus perhubungan dalam tempoh yang agak lama.

*Situasi 2 : Majlis Pertunangan*

Jadual 2: Ujaran di antara S1 dan S2

Subjek	Bahasa Banjar	Bahasa Melayu
S1	kak Timah, brapak hantarannyak?	Kak Timah, berapa hantarannya?
S2	Akuk kadak mamintak brapak innyak bagiklah.	Saya tak minta, berapa yang diberikanla.
S1	Wayah ni tahu ajalalah barang-barang samuaan mahal	Sekarang ini tahu-tahu sajalah barang-barang semuanya mahal.
S2	Batul tuh..Anak ikam yang kahwin hari tuh hudah bertianankah?	Betul tu. Anak awak yang kahwin hari tu dah mengandung ke?
S1	Hudah... hudah beranak. Cucukkuk dah nak masuk satahun pang.	Sudah, dah bersalin. Cucu saya dah nak masuk setahun pun.

Ujaran masyarakat Banjar di atas berlaku semasa majlis pertunangan berlangsung. S1 merupakan tetamu yang hadir pada majlis pertunangan tersebut manakala S2 adalah ibu kepada gadis yang bertunang pada hari tersebut. Berdasarkan ujaran tersebut S1 mengajukan soalan kepada S2 berkenaan nilai wang hantaran anak gadis S2. “*kak Timah, brapak hantarannyak?*” (Kak Timah, berapa hantarannya?) S2 tidak memberi tahu jumlahnya tetapi hanya menjawab dengan menyatakan pihaknya tidak meminta dan hanya menerima jumlah yang diberikan oleh keluarga tunang anaknya itu. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh S2 kepada S1, wujud andaian awal atau implikatur bahawa S2 ingin merahsiakan jumlah wang tersebut daripada pengetahuan S1. Jika benar S2 ingin merahsiakan perkara tersebut dengan memberitahu ‘*Akuk kadak memintak brapak innyak bagikla*’ (Saya tak minta, berapa yang diberikanla) maka implikatur yang berikutnya boleh dibuat dengan menyatakan bahawa S1 seorang yang suka menjaga tepi kain orang dan tidak boleh menyimpan rahsia. Hal ini wujud

kesinambungannya apabila S1 menyatakan mengenai kenaikan harga barang “*Wayah ni tahu ajalalah barang-barang samuaan mahal*” (Sekarang ini tahu-tahu sajalah barang-barang semuanya mahal). Melalui ujaran S1 itu, andaian implikatur yang dapat dihasilkan oleh pendengar ialah S1 mengharapkan jumlah wang hantaran yang tinggi ekoran daripada kenaikan harga barang untuk kenduri. S2 sekadar bersetuju dan mengubah topik perbualan dengan bertanyakan mengenai khabar anak S1 itu. “*Batul tuh..Anak ikam yang kahwin arih tuh udah bertianankah?*” (Betul tu... Anak awak yang kahwin hari tu dah mengandung ke?) Hal ini membuatkan pendengar membuat andaian bahawa S2 tidak berminat untuk terus berbual mengenai jumlah wang hantaran anaknya dan bertindak menukar topik perbualan. Namun begitu terdapat juga andaian bahawa S2 sememangnya bersetuju dengan apa yang diutarakan oleh S1 dan S2 ingin mengetahui perihal anak S1 sama ada sudah mengandung atau belum. Pertanyaan daripada S2 tidak memerlukan kos proses yang tinggi kerana jawapan yang diberikan oleh S1 amat jelas dan menjawab pertanyaan S2 dengan menyatakan dengan bahawa anaknya sudah mengandung bahkan sudah bersalin dan cucunya sudah berumur setahun “*Hudah...hudah berranak. Cucukkuk dah nak masuk satahun pang*” (Sudah, dah bersalin. Cucu saya dah nak masuk setahun pun). Berdasarkan jawapan balas yang diberikan oleh S1 bagi menjawab pertanyaan yang diutarakan oleh S2, S1 telah memberikan maklumat melebihi apa yang ditanyakan oleh S2. Penambahan maklumat yang diberikan oleh S1 mempunyai implikatur berbentuk sindiran iaitu mengenai S2 yang langsung tidak mengetahui khabar bahawa anak S1 bukan sahaja sudah mengandung malah sudah bersalin dan cucunya itu sudah berusia 1 tahun. Maklumat tambahan yang diujarkan oleh S1 adalah untuk memberitahu keterujaannya yang sudah memiliki cucu setelah agak lama menanti. Jelas di sini bahawa perbualan tersebut relevan kerana penutur dan pendengar saling memahami dan tindak balas ujaran antara satu sama lain melalui kos memproses yang

rendah. Namun, terdapat implikatur daripada perbualan yang dihasilkan. Menurut Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013), semua ujaran perlu ada maklumat asas untuk mencungkil maklumat implikatur yang tidak dilahirkan dengan nyata. Sesebuah ujaran yang bersifat implikatur membuktikan bahawa tabiat manusia yang mampu mentafsir apa-apa sahaja yang cuba disampaikan jika cukup konteks dan kesan konteksnya.

Berdasarkan perbualan Jadual 2 di atas, jelas menunjukkan ujaran yang berlaku antara S1 dengan S2 adalah relevan. Hal ini kerana menurut Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986), Relevan yang optimal bermaksud setiap ujaran itu mempunyai kesan konteks yang maksimum yang dapat dirumuskan dalam masa sesingkat mungkin. Dengan itu, konteks haruslah seimbang dengan masa memproses bagi menghasilkan kandungan maklumat yang diharapkan. Apabila sesuatu ujaran disampaikan, menjadi tanggungjawab si penutur untuk menjamin maklumat yang disampaikan itu relevan dan setimpal dengan perhatian yang diberikan oleh pendengar apabila diproses mengikut konteks. Kedua-dua ungkapan ini mampu membekalkan konteks yang baik, melahirkan kesan kognitif yang tinggi dan akhirnya memudahkan pemprosesan maklumat di kalangan pendengar. Tuntutan relevans seperti ujaran bermanifestasi iaitu ujaran yang terang dan nyata walaupun disampaikan secara tersirat telah berjaya disingkap oleh pendengar. Menurut Sperber dan Wilson (1986), komunikasi adalah satu modifikasi persekitaran kognitif pendengar. Persekitaran kognitif individu ini adalah set-set yang boleh dijelaskan dan dimanifestasikan kepada individu yang terlibat dalam komunikasi tersebut. Prinsip relevan lebih menekankan bentuk komunikasi yang dapat difahami oleh penutur dan pendengar.

### Situasi 3 : Persiapan Juadah di Malam Raya

Jadual 3: Ujaran di antara S1 dan S2

Subjek	Bahasa Banjar	Bahasa Melayu
S1	Katupat tuh dijerang dahuluk. Imbah tuh hayam tuh dibasuh.. dibacam	Ketupat tu direbus dahulu. Kemudian ayam tu dibasuh dan diperap.
S2	Daging ni diulah napak?	Daging ini nak dibuat apa?
S1	Masak randang jadian	Masak rendang jadila.
S2	Handak dibacamkah juak daging ni?	Hendak diperap juga ke daging ini?
S1	Dibacam ai	Diperapla.

Perbualan tersebut berlaku ketika malam perayaan Hari Raya Aidilfitri yang mana subjek sedang menyediakan juadah untuk dihidangkan kepada tetamu pada keesokan harinya. Perbualan berlaku di antara S1 yang merupakan Ibu kepada S2. Perbualan dimulakan oleh S1 yang memberi arahan kepada S2 untuk merebus ketupat dan membasuh ayam serta memerap ayam tersebut “*Katupat tuh dijerang dahuluk. Imbah tuh hayam tuh dibasuh..dibacam*” (Ketupat tu direbus dahulu. Kemudian ayam tu dibasuh dan diperap). Kemudian arahan daripada S1 tersebut dijawab oleh S2 dengan pertanyaan mengenai jenis masakan untuk daging “*Daging neh diulah napak?*” (Daging ini nak dibuat apa?). Berdasarkan perbualan yang berlaku antara S1 dan S2, perbualan tersebut telah melanggar prinsip Teori Relevans. Hal ini kerana arahan yang diujarkan oleh S1 tidak dijawab sewajarnya oleh S2 dan hal ini mewujudkan kos untuk memproses maklumat adalah tinggi diperlukan oleh pengguna. Oleh itu, akan terhasil beberapa andaian seperti S2 tidak mendengar arahan yang diberikan oleh S1 atau S1 sengaja tidak mahu menjawab kerana ingin mendapat maklumat daripada pertanyaannya sendiri. Walau bagaimanapun, pertanyaan daripada S2 tetap dijawab oleh S1 dengan menyatakan bahawa daging tersebut hendak dimasak



rendang “*Masak randang jadium*” (Masak rendang jadila). Seterusnya, S2 bertanya sama ada daging tersebut perlu diperap juga ataupun tidak “*Handak dibacamah juak daging neh?*” (Hendak diperap juga ke daging ini?) dan pertanyaan S2 itu dijawab dengan ringkas oleh S1 iaitu daging itu perlu diperap, “*Dibacam ai*” (Diperaplah). Oleh yang demikian, berdasarkan pertanyaan daripada S2 tentang daging tersebut perlu diperap juga telah dapat menjelaskan andaian awalan yang menyatakan S2 tidak mengendahkan arahan S1. Perkataan ‘juga’ telah mengubah andaian awal yang dihasilkan oleh pendengar. Melalui perkataan ‘juga’ yang diujarkan oleh S2 yang daging perlu diperap juga membawa andaian kepada S2 mendengar arahan daripada S1 untuk membasuh dan memerap ayam. Berdasarkan Teori Relevans, setiap maklumat baru yang diterima oleh pendengar akan menghasilkan andaian baharu juga. Oleh itu, usaha memproses ujaran adalah tidak sama bagi pendengar, ada yang mudah dan ada yang susah. Dengan itu, penutur akan mencipta segala pengharapan yang relevan kepada pendengar untuk menginterpretasi ujaran tersebut. Menurut Sperber dan Wilson (1986), interpretasi yang terbaik adalah interpretasi yang dapat mematuhi pengharapan ini. Menurut Fromkin dan Rodman (1983: 188-193) makna yang terkandung dalam sesuatu ujaran dapat menghubungkan antara penutur dengan pendengar. Ia berkaitan dengan keseluruhan perlakuan pertuturan dan konteks ujaran itu sendiri memberi makna.

Bagi menentukan kerelevanan sesuatu ujaran, kesan konteks dan usaha memproses maklumat diperlukan. Berdasarkan definisi relevan, semakin kurang usaha memproses maklumat, maka maklumat itu akan menjadi bertambah relevan. Bagi perbualan Jadual 3, kos proses maklumat oleh S2 diatas arahan yang diberikan oleh S1 adalah tinggi apabila S2 tidak menjawab arahan tersebut tetapi langsung mengutarakan soalan. Namun, dapat dilihat bahawa sebenarnya S2 memahami apa yang disampaikan oleh S1 tetapi hanya tidak diujarkan secara terus. Penambahan maklumat akan mengembangkan lagi sesuatu

ujaran apabila bersesuaian dengan pemilihan konteks. Ini kerana setiap kali maklumat yang diberi dengan konteks sangat penting dalam interpretasi ujaran. Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2007), pepadanan antara maklumat yang diberi dengan konteks sangat penting kerana salah padanan antara kedua-duanya akan menyebabkan maklumat itu disalah erti. Dengan itu, kekeliruan pasti berlaku. Oleh itu, untuk mengelakkan salah faham tersebut, apa yang hendak disampaikan oleh penutur perlulah serupa dengan konteks (Siti Hajar Abdul Aziz, 2007). Hal ini juga disarankan oleh Normaliza Abd Rahim, Arbaie Sujud, Hazlina Abdul Halim dan Roslina Mamat (2014), di mana penutur perlu memahami konteks yang ingin dibincangkan bagi mengelakkan kekeliruan makna dan salah tafsiran di antara kedua-dua pihak.

### **Rumusan**

Kajian pragmatik penting kerana pragmatik menganalisis ujaran-ujaran yang terdapat dalam bahasa perbualan dengan berdasarkan konteks sebenar penggunaannya. Antara aspek penting kajian pragmatik ialah membuat interpretasi ujaran. Ia sebenarnya satu proses minda untuk mengenal pasti kekaburan dan ketidaktentuan ujaran, menentukan rujukan yang tepat dan mengenal pasti maklumat-maklumat yang tidak lengkap dalam ujaran. Bidang pragmatik turut memainkan peranan penting dalam menyedarkan penutur akan tanggungjawab mereka dalam melafazkan ujarannya. Penutur seharusnya bertanggungjawab untuk memastikan ujarannya mengandungi maklumat yang tepat dan mencukupi, maklumat yang diberikan adalah relevan, menghindari ketidakjelasan dan sebagainya. Tegasnya, ia melihat keupayaan penggunaan bahasa sebenar mengikut konteks peristiwa pertuturan. Di samping itu, melalui kajian ini, penutur perlu mengetahui akan tanggungjawab seorang penutur dalam menyampaikan sesuatu ujaran supaya dapat difahami dengan jelas oleh pendengar. Sesebuah ujaran yang dihasilkan dalam perbualan dapat difahami dengan

lebih jelas jika penutur dan pendengar berada dalam konteks dan kesan konteks yang sama. Konteks adalah mengenai dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Konteks merangkumi maklumat mengenai persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir. Konteks boleh melibatkan masa depan, hipotesis saintifik, kepercayaan keagamaan, kenangan lucu atau andaian am tentang budaya, kepercayaan, dan pemikiran penutur (Sperber & Wilson, 1995). Apabila penutur dan pendengar memahami apa yang ingin disampaikan dan apa yang akan disampaikan maka sesuatu mesej atau makna dapat disampaikan dan diterima dengan baik. Oleh itu, bagi memahami makna sebenar sesuatu ujaran itu maka ilmu pragmatik perlu diaplikasikan. Cadangan bagi kajian akan datang adalah kajian analisis pragmatik mengenai penggunaan makna kata kerja dalam ujaran bahasa Banjar.

## Rujukan

- Adi Yasran Abdul Aziz. (2011). Suku Kata Dasar Dialek Kelantan Berdasarkan Teori Optimaliti. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(2).
- Amirah Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). Implikatur dalam Kes “Pembunuhan Noritta”: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*.
- Cummings, L. (2007). *Pragmatik Sebuah Perspektif Multidisipliner*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Muhammad Khairi Muhamed Nor. (2012). Bahasa Banjar di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1991). Keimplisitan Ujaran: Satu Analisis Teori Relevans. *Jurnal Dewan Bahasa*, 35(6): 474-83.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Norsimah Mat Awal. Citra Lelaki Dulu dan Kini dalam Prosa Melayu: Analisis Teori Relevans. *Jurnal e-Bangi Jilid 1, Bilangan 1 Julai – Disember*.
- Nor Hawa Bte Ismail. (1999). *Pemupusan Bahasa Banjar: Kajian Kes di Kampung Parit Serong, Sungai Besar, Selangor Darul Ehsan*. Akademik Pengajian Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Normaliza Abd Rahim, Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor. (2014). Perbualan Masyarakat Daerah Kuala Terengganu. *Journal of Business dan Social Development*, 2(1): 49-56.
- Normaliza Abd Rahim, Arbaie Sujud, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat. (2014). Interaksi Kumpulan Kecil Pelajar Korea dalam Pembelajaran Bahasa Melayu: Satu Analisis Wacana. *Journal of Business dan Social Development*, 2(2): 91-99.
- Rozaimah Rashidin & Noriza Daud. (2009). Unsur Perlambangan dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Teori Relevans. *Jurnal Aswara, Bab 7 pmd*.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1999). *Relevans Komunikasi & Kognisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2007). *Bahasa Melayu Perbualan dengan Berdasarkan Analisis Model Pragmatik Gabungan Tambahan*. Tesis PhD. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Siti Hamidah Mohd Lasim. (2002). *Makna Wacana Perbualan antara Watak dalam Novel “Tragedi Di Hujung Senja”*: Satu Kajian Pragmatik. Tesis Sarjana. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Wong Shia Ho. (2013). Keharmonian Kaum dalam Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, 11.
- Wong Shia Ho. (2014). Penggunaan Simbol dalam Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 14(1).
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2002). *Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Kanak-kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik*. Tesis PhD. Serdang: Universiti Putra Malaysia.